

D Kamarudin sahkan perkhidmatan sehingga 29 Julai

Oleh YAP SIONG HAN

11
16 20.6.2019

KOTA KINABALU: Khabar angin mengenai pemendekan tempoh perkhidmatan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin (*gambar*), disahkan oleh beliau sendiri yang mengakui telah menerima surat makluman mengenai perkhidmatannya dipendekkan sehingga 29 Julai depan.

Beliau yang memberitahu perkara itu dalam satu majlis Sesi Khas Naib Canselor Bersama Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bertemakan suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri menjelaskan, beliau tiada pilihan selain terpaksa mengumumkan perkara itu lebih awal bagi mengelak lebih banyak khabar angin negatif didengari masyarakat khususnya warga universiti. “Perkara ini perlu

dijelaskan bagi menangkis gosip liar oleh pihak tertentu yang berkepentingan, dan saya berharap agar setiap kakitangan tidak terpengaruh dengan perubahan ini tetapi meneruskan tanggungjawab masing-masing.

“Berkaitan keputusan pemendekan tempoh itu, saya akur dengan keputusan Menteri Pendidikan Malaysia Dr Maszlee Malik dan percaya bahawa keputusan dibuat secara profesional dengan mengambil kira kepentingan universiti,” katanya.

Menurutnya, perubahan pengurusan dalam organisasi kerajaan adalah satu proses biasa dalam kerajaan Malaysia Baharu dan pengurusan universiti sentiasa akur dan menerima keputusan daripada kementerian.

“Cuma, sebelum ini segala perancangan saya untuk memantapkan lagi

UMS, termasuk aspek tadbir urusnya adalah perancangan bagi tempoh tiga tahun (sehingga tahun 2020). Justeru, walaupun tempoh saya dipendekkan, saya berharap agar setiap perancangan yang diusahakan sebelum ini akan diteruskan oleh para kakitangan akademik dan pentadbiran UMS.

“Perubahan seperti kajian semula kurikulum perlu diteruskan kerana kita mahu melahirkan para graduan yang dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran serta sedia memenuhi pasaran kerja semasa, dan ini sekali gus menyumbang kepada kebolehpasaran graduan UMS,” katanya.

Mengulas bakal pengganti beliau, Kamarudin berharap agar bakal Naib Canselor UMS adalah seorang yang lebih baik daripada beliau dan berintegriti tinggi.

“Saya juga berharap agar isu pemilihan Naib Canselor UMS ini tidak dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu

yang mempunyai agenda tersendiri tetapi akur terhadap setiap keputusan kementerian.

“Kita sebagai kakitangan universiti harus bersikap lebih profesional terutamanya dalam soal pelantikan jawatan tertinggi pentadbiran dan tidak cuba bermain politik dengan menyokong individu tertentu demi kepentingan peribadi yang



akhirnya bukan sahaja menyebabkan perpecahan dalam kalangan warga universiti, tetapi turut memberi satu contoh atau budaya yang tidak baik

kepada para siswa-siswi universiti,” katanya.

Pada majlis berkenaan, Kamarudin turut menyempurnakan pelancaran Pelan

Pengurusan Risiko UMS 2019-2022 serta menyampaikan sijil penarafan bintang kepada ketua PTJ bagi penarafan tadbir urus UMS.